

17/03/2001

Persatuan pengguna di gesa didik rakyat

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa persatuan pengguna mendidik masyarakat dengan pelbagai program penggunaan bagi meningkatkan kesedaran pengguna, khususnya dalam era liberalisasi ekonomi dunia.

Perdana Menteri berkata, fungsi persatuan pengguna dalam membantu kerajaan meningkatkan kesedaran kepenggunaan di kalangan rakyat, umpamanya dalam bidang e-dagang, adalah amat penting untuk mengekalkan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

"Persatuan pengguna harus memastikan masyarakat Malaysia memahami manfaat dan kemudaratannya konsep e-dagang yang tidak memerlukan peniaga bersemuka dengan pembeli ketika berurusan tetapi sebaliknya memadai dengan membuat pesanan melalui komputer.

"Malangnya terdapat persatuan pengguna yang tidak aktif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka manakala ada antara persatuan pengguna yang mempunyai keanggotaan terlalu kecil bagi berperanan secara berkesan.

"Pengguna pula harus waspada dengan negara luar yang berlumba menawarkan kadar upah serta faktor pengeluaran lebih murah dengan alasan kononnya ia dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup rakyat.

"Namun, pengguna perlu sedar bahawa perdagangan bebas ini juga membuka peluang kepada negara maju untuk melonggok negara kita dengan barangan mereka yang tidak bermutu atau sesetengahnya tidak sesuai sama sekali untuk kegunaan manusia," katanya ketika berucap di majlis makan malam perdana sempena Hari Pengguna Sedunia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Majlis itu yang dianjurkan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), turut dihadiri Presidennya, Prof Hamdan Adnan dan beberapa pengasas pertubuhan bukan kerajaan.

Dr Mahathir juga meminta pemimpin persatuan pengguna supaya lebih proaktif dalam membantu kerajaan mendidik pengguna terutama di era globalisasi dan sistem pasaran terbuka.

Menurut Perdana Menteri, lapan hak pengguna yang diagung-agungkan masyarakat antarabangsa ialah hak mendapat keperluan asas, hak mendapat keselamatan, hak mendapat maklumat, hak membuat pilihan, hak bersuara, hak mendapat ganti rugi, hak mendapat pendidikan pengguna, hak mengecapi alam sekitar yang sihat dan selamat.

Namun, katanya, ramai yang sering lupa atau lalai melaksana tanggungjawab sebagai pengguna walaupun kerap menuntut hak mereka dipenuhi atau membantah bila hak itu dicabuli.

"Jadi, jika kita sebagai pengguna menuntut berbagai-bagai hak, kita juga harus memastikan barangan keluaran atau khidmat yang kita tawarkan memuaskan hati pengguna lain," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa kerajaan mempertahankan kepentingan hak pengguna sejak dua dekad lalu dengan menggalakkan budaya perdagangan sihat dan beretika yang memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat.

"Pengguna perlu arif mengenai perkembangan sistem ekonomi bebas supaya mereka tidak menyalahkan kerajaan semata-mata apabila berlaku penurunan atau kenaikan harga barang," katanya.

(END)